

AMALAN URUT MELAYU TRADISIONAL PATUH SYARIAH

Rosnani Ripin

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan

Email: rripin@yahoo.com

Abstrak

Urut Melayu tradisional ialah satu cara perubatan tradisional masyarakat Melayu terutamanya pesakit-pesakit saraf, pesakit urat, pesakit selepas bersalin, pesakit strok dan lain-lain lagi untuk keperluan kesihatan dan kecantikan. Kecenderungan pesakit mendapatkan rawatan tersebut telah menjadikan urut Melayu tradisional menjadi pilihan utama selain rawatan tradisional China seperti akupunktur, tui na; rawatan tradisional India, Ayurvedhic dan lain-lain lagi. Ternyata urut melayu menjadi pilihan utama, bahkan pelbagai bangsa telah berminat mendapatkan rawatan urut Melayu tradisional. Urut Melayu sebagai cara perubatan secara tradisional jadi pilihan pengamal-pengamal urutan tersebut yang bukan sahaja menjadi sebagai sumber pendapatan bahkan sebagai tanggungjawab kepada Allah(khalifah Allah) dan tanggungjawab sesama insan. Walau bagaimanapun sebagai seorang Islam tanggungjawab tersebut perlu berlandaskan al-Quran dan sunnah.. Amalan urut Melayu secara amnya diamalkan oleh orang Melayu yang tentunya beragama Islam di Malaysia. Tanggungjawab seorang Islam hamba Allah perlu mempertegaskan tentang tatacara amalan urut Melayu seperti dalam bacaan, peralatan, batas-batas urutan, etika urutan perlu dipraktikkan secara patuh syariah supaya urusan tersebut dirahmati dan diberkati Allah SWT.

1. Pengenalan

Urut Melayu Tradisional

Definisi

Berdasarkan rujukan Kamus Dewan Edisi Keempat Urutan bermaksud gerakan tangan, mesin dan sebagainya untuk mengurut bagi melegakan rasa sakit, mengurangkan ketegangan otot, melancarkan peredaran darah dan sebagainya.¹

Ada pendapat urutan atau teori urutan adalah satu tindakan untuk merawat tubuh badan dengan mengusap, menggosok atau seumpama dengannya, untuk merangsang pengaliran darah atau meredakan tekanan. Terapi urutan dapat memanipulasi tisu-tisu lembut pada tubuh untuk meredakan ketegangan otot dan kesakitan dengan meningkatkan pengaliran dan fleksibiliti peraliran darah.

Rawatan pengurutan merupakan usaha penyembuhan yang selamat, efektif, dan tanpa kesan sampingan, serta boleh dilakukan sendiri mahupun dengan bantuan orang yang sudah pakar (tukang urut). Rawatan pengurutan atau pengurutan merupakan teknik kuno yang digunakan manusia untuk mengusir kepenatan dan menyembuhkan berbagai-bagai jenis penyakit.²

Mengurut ialah suatu pemulihan tanpa ubat. Ia cuma dengan menggunakan tangan dan juga kaki(jika perlu). Kepandaian mengurut ini bermula dengan percubaan pada diri sendiri lebih dahulu, apabila terasa sakit pada bahagian urut. Seseorang yang elok itu, mengurut bahagian badannya sendiri, mana yang boleh dicapai dengan tangannya dan mana-mana bahagian yang tidak tercapai, maka diurut orang lain; seperti keluarga, sebelum lagi bertemu tukang urut.³

¹ Kamus Dewan edisi keempat, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 2013, hlm 1781

² Iqra' Al-Firdaus, Mengenal terapi pengurutan dalam Pengetahuan asas mengenai pengurutan hlm 13, Teknik Rawatan Pengurutan untuk kesihatan, Al-Risalah Product Sdn. Bhd, 2013

³ Khalil Al-Badwi, (2014) Atasi Sakit dengan jampi& Urut sendiri, Al-Hidayah Publication hlm. vi

Urut ini diamalkan oleh orang-orang Melayu sejak turun temurun dan menjadi warisan amalan rawatan tradisional masyarakat Melayu. Pelbagai cara ilmu rawatan urut yang berupa salah satu anugerah Allah sama ada secara zahir mahupun secara batin.

2. Ciri Utama Pengamal Urut Patuh Syariah

2.1 Pengamal urut yang beriman dan bertaqwa

Keperluan dan kepentingan ilmu wajar dimiliki oleh pengamal urut ialah aqidah yang mantap dan sempurna kerana setiap penyembuh pada sakit itu adalah daripada kekuasaan Allah SWT.

Pengamal yang berpengetahuan membaca Al-Quran adalah pelengkap kepada urusan rawatan kerana dalam proses rawatan atau kerja urutan diringi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran akan lebih berkesan dan sempurna urusan rawatan tersebut. Al-Quran adalah penawar rohani dan jasmani kepada setiap isi alam termasuk makhluk, binatang, tumbuh-tumbuhan ciptaan Allah SWT.

Ini dapat dibukti kebenarannya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan jikalau Kami jadikan al-Quran itu suatu bacaan dalam bahasa selain bahasa Arab tentu mereka mengatakan. “Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah (patut al-Quran) dalam bahasa asing sedangkan Rasul adalah orang Arab?” katakanlah, al-Quran itu adalah petunjuk dan penawar bagi orang-orang yang beriman...”⁴

Selain itu pengamal urut adalah seorang yang ikhlas dalam urusan rawatan tersebut. Setiap urusan atau kerja rawatan seikhlas kerana Allah SWT dan bukannya kerana nafsu semata-mata. Tanggung jawab kepada Allah SWT(hablum minnallah) kerana diberi amanahkan dengan ilmu dan kemahiran urut yang dimiliki dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kebajikan sesama insan(wahabluminnas). Nawaitu atau niat seseorang pengamal yang ikhlas kerana Allah, nescaya tidak akan disia-siakan oleh Allah SWT. Apa jua urusan dunia mahupun akhirat aan sentiasa dilimpahi rahmat dan keredhaan Allah SWT ke atas hamba-hambaNya yang betul-betul ikhlas keranaNya.

Hubungan manusia dengan Allah disebut sebagai ”hablum minnallah”. Hubungan yang wujud itu meliputi hubungan fizikal dan metafizik, kebendaan dan kerohanian. Allah menjadikan manusia dengan tujuan untuk menghambakan diri kepada-Nya iaitu untuk beribadah kepada-Nya seperti yang diterangkan di dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepada-Ku”⁵

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa hubungan di antara manusia dengan penciptaNya adalah hubungan yang berterusan dan tidak putus-putus dalam kehidupan seseorang Muslim. Prinsip hubungan seorang hamba dengan Khaliknya harus diwujudkan dalam setiap aspek hidup sama ada hubungan itu berbentuk ibadah khusus mahupun ibadah umum. Ini akan dapat mewujudkan hakikat kebenaran yang dikehendaki Islam iaitu manusia meletakkan Allah sebagai keutamaan yang teratas dalam setiap urusan. Bahkan jika ada gangguan kuasa-kuasa lain selain dari Allah, maka dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran sebagai amalan

⁴ al-Quran Surah Fusilat, ayat 44

⁵ Al_Quran Surah al-Zariat ,ayat 56

rawatan urutan dan seumpamanya akan hancur musnah segala kuasa jin dan lain-lain yang mengganggu pesakit.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Tiga perkara apabila ada pada seseorang dapatlah dia merasakan kemanisan imannya; Pertama, Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai dari segala yang lain. Kedua, dia tidak menyintai seseorang kecuali kerana Allah dan yang ketiga, dia benci kepada perbuatan kufur sebagaimana dia benci untuk dicampakkan ke dalam api neraka”.

Hubungan yang erat antara hamba dan pencipta pasti melahirkan jiwa yang bersih dan tenteram yang boleh memakmurkan alam ini dalam bentuk serta acuan yang dikehendaki oleh syariat di samping melaksanakan segala tuntutan “amar makruf nahi mungkar” (seru kepada yang baik dan cegah dari keburukan) dalam segala urusan dunia dan akhirat setiap insan mereka.

Hubungan Sesama Manusia

Hubungan manusia sesama manusia dikenali sebagai “hablum minannas”. Manusia pada setiap masa perlu menghubungkan diri sesama manusia dalam segenap bidang kehidupan. Masyarakat Islam ialah sebuah masyarakat yang bersifat universal. Islam terbuka kepada seluruh umat manusia tanpa memandang kepada perbezaan jenis, warna kulit, bahasa, bangsa, adat resam serta tidak terbatas kepada lingkungan geografi. Apa yang dikehendaki oleh Islam ialah saling kenal mengenal serta mengadakan hubungan yang baik sesama manusia dalam segenap lapangan hidup sama ada yang berupa peribadi atau kemasyarakatan. Perbezaan yang sedia ada seperti perbezaan warna kulit, kelainan keturunan, bahasa dan bangsa adalah menggambarkan kebesaran Allah serta sebagai satu rahmat kepada manusia. Ini juga dapat menyedarkan manusia bahawa mereka sebenarnya saling memerlukan di antara satu sama lain.

Firman Allah swt yang bermaksud:

*“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah ciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang wanita, lalu Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling takwa di antara kamu”.*⁶

Satu perkara yang sering berlaku dalam kehidupan hari ini ialah isu kezaliman dan penganiayaan sesama manusia yang berlaku secara berleluasa. Nilai sebagai manusia tidak terjamin, kemanusiaan sudah luput lalu nilai-nilai kebinatangan yang menjadi pegangan orang yang tidak berakidah. Pada hari ini isu-isu perbezaan bangsa, warna kulit dan etnik menjadi penghalang besar kepada wujudnya kesatuan dalam kalangan manusia. Jadi tidak hairan wujudnya perkhidmatan-perkhidmatan rawatan yang menganiaya insan dengan mengenakan bayaran yang melampau. Mengambil kesempatan dengan ilmu yang dimiliki menganiaya insan lain, bahkan mengambil kesempatan berlaku sumbang terhadap pesakit. Islam menolak perbuatan-perbuatan keji dan terkutuk. Islam mengajak penganutnya berpegang kepada amalan amal makruf nahi mungkar.

⁶ Al-Quran Surah al-Hujurat ,ayat 13

Islam yang menyeru kepada konsep persaudaraan sejagat. Keanggotaannya terbuka luas untuk semua umat manusia tanpa mengira darjat atau keturunan. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud;

“Tidak ada kelebihan seorang Arab ke atas seorang ‘ajam (bukan Arab) kecuali kerana takwanya”.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan kami turunkan daripada al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman...”⁷

Al-Quran adalah ubat bagi hati daripada penyakit kebodohan dan keraguan. Jadi, tiada ubat yang diturunkan Allah daripada langit yang lebih ampuh, lebih mujarab, lebih bermanfaat dan lebih hebat khasiatnya untuk menghilangkan penyakit selain dari al-Quran.

Jadi bacaan atau amalan bacaan mantera dan lain-lain sebutan puji-pujian selain daripada Allah SWT adalah telah memusnahkan aqidah seseorang umat Islam. Malah keupayaan untuk sembuh tidak berjaya, jika sembuhpun tidak sempurna dan bersifat sementara sahaja. Oleh yang demikian yakinlah akan kekuasaan Allah SWT sebagai penyembuh dan seumpamanya mengikut kehendakNya sebagaimana firmanNya:

“ Sesungguhnya urusan Allah apabila Dia menghendaki sesuatu, Dia hanya berkata “Jadilah!” Maka jadilah sesuatu itu.”⁸

Begitulah juga dengan urusan rawatan yang dijalankan oleh pengamal urut, perlu sedar setiap sesuatu kejadian, sakit, kematian, kesembuhan dan seumpamanya adalah dengan kekuasaan Allah SWT dan bukannya dengan kuasa pengamal dan ubat-ubatan yang digunakan. Semuanya sebagai alat dan ikhtiar dan selebihnya adalah atas kekuasaanNya.

Amanah dan bertanggungjawab

Ilmu urut yang dimiliki pada seseorang pengamal urut perlu dimanfaatkan sebaik mungkin sama ada untuk kegunaan diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat khususnya setiap insan. Bahkan menjadi tanggungjawab seseorang pengamal urut untuk meneruskan nilai tambah ilmu yang sedia ada ke arah pemantapan ilmu yang lebih sempurna.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.”⁹

Ilmu merupakan salah satu amanah yang benar-benar harus ditunaikan karena kelak akan dimintai pertanggungjawabkan. Oleh yang demikian bagi penuntut ilmu (pengamal urut) dan pengembangnya dapat mengembangkan ilmu dan menunaikannya dengan penuh kejujuran dan amanah serta diiringi rasa takut kepada Allah SWT. Di samping itu pengamal urut juga harus sedar dan sentiasa beramal ibadat dan menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai panduan amalan dan kehidupan di dunia menuju ke alam akhirat.

⁷ al-Quran Surah Al-Isra', ayat 82

⁸ Al-Quran Surah Yasin, Ayat 82

⁹ al-Quran Surah Al-Anfal, Ayat 26

3. Etika Urut Melayu Patuh Syariah

Hakikatnya Islam memudahkan urusan setiap insan. Allah SWT mencipta makhlukNya, setiap ciptaanNya ada kelengkapan dan keperluan yang disediakanNya. Manusia adalah ciptaanNya sebaik-baik makhluk dianugerahNya akal fikiran yang sempurna. Maka gunakan akal fikiran sebaik mungkin untuk menjalani kehidupan d dunia yang sementara menuju ke alam akhirat.

Perkataan “mudah” yang dimaksudkan di atas ialah merujuk kepada peraturan umum dalam Syariah ialah apa-apa perbuatan yang melampaui batas sama ada dalam makan, minum, berpakaian atau sebagainya, adalah dilarang.

Firman Allah swt yang bermaksud:

“Hai orang yang beriman, janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.”¹⁰

Ciri-ciri Pengamal Urut Melayu Tradisional yang patuh syariah menepati ciri-ciri sebagaimana garis panduan pengamal perubatan Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Melaka sebagaimana berikut:

Seorang pengamal Urut Melayu Tradisional yang patuh syariah perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) Beragama Islam, aqil dan baligh, serta memahami dan mengetahui ilmu asas Islam merangkumi aspek aqidah, syariat dan akhlak, dan sentiasa bertaqwa;
- (b) Jelas bacaannya serta memahami dan mengetahui apa yang diucapkannya;
- (c) Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik;
- (d) Tidak melakukan maksiat, jenayah dan apa sahaja yang bertentangan dengan undang-undang negara;
- (e) Ikhlas, iaitu mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata’ala, bukan kerana untuk menunjuk-nunjuk, mendapat ganjaran kebendaan dan sebagainya;
- (f) Ketahanan jiwa dan rohani, iaitu mempunyai kepercayaan penuh dan melakukan amalan-amalan tertentu mengikut kehendak dan tuntutan Rukun Iman;
- (g) Benteng pertahanan diri, iaitu amalan-amalan yang berupa bacaanbacaan dan doa untuk memperkuatkan ketahanan diri, mental dan fizikal;

¹⁰ al-Quran Surah Al-Ma’idah, Ayat 87

(h) Setiap pengalaman dan pengubatan yang dilakukan perlulah merujuk kepada kitab Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias, iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;

(i) Pembayaran di atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos pengubatan, tetapi tidak membebankan pesakit; dan

(j) Tidak mengambil kesempatan ke atas pesakit.

4. Kaedah Rawatan Urut Patuh Syariah:

Garis Panduan Amalan Rawatan Urut, Pengubatan Dan Perbomohan Menurut Islam

i. Penggunaan ayat-ayat Al-Quran, selawat, zikir dan doa-doa untuk jenis-jenis penyakit hendaklah berlandaskan al-Quran, as-Sunnah, amalan salaf al-soleh atau ulamak muktabar serta doa-doa dalam bahasa yang difahami maksudnya.

ii. Pengamal perlulah memberi kekuatan psikologi/fikiran/mental serta semangat kepada pesakit dengan menunjukkan rasa simpati, kesungguhan dan keikhlasan ketika memberi rawatan serta layanan yang sama rata antara pesakit-pesakit yang dirawat.

iii. Selain daripada doa-doa yang dibaca oleh pengamal, pesakit juga perlu mengamalkan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa tertentu, serta beribadat dalam usahanya untuk mengubati diri sendiri.

Kaedah rawatan yang dibenarkan :

- i) Minum;
- ii) Sapu;
- iii) Mandi;
- iv) Renjis;
- v) Tepuk;
- vi) Kebas;
- vii) Hembus; atau
- viii) Kaedah lain yang tidak memudharatkan dan tidak menzalimi pesakit, serta dilakukan secara berhikmah.

Kaedah yang tidak dibenarkan :

- i) Bedah batin;
- ii) Perbuatan yang memudharatkan atau menzalimi pesakit; atau
- iii) Mana-mana kaedah yang bercanggah dengan hukum syarak.

Peralatan/bahan yang dibenarkan :

- i) Air;
- ii) Herba seperti limau, daun-daun, habbatussauda', minyak zaitun;

Garis Panduan Amalan Pengubatan Dan Perbomohan Menurut Islam

- iii) Madu;
- iv) Bekam;
- v) Garam; atau
- vi) Bahan yang suci dan halal menurut syarak.

Peralatan/bahan yang tidak dibenarkan untuk digunakan:

- i) Peralatan tajam seperti keris; atau
- ii) Peralatan yang memudharatkan seperti besi panas dan sebagainya.

Bagi rawatan khusus termasuk rawatan histeria, rawatan santau, mengeluarkan atau mematikan susuk dan rawatan resdung yang memerlukan ruang khas semasa sesi rawatan terutama yang melibatkan batasan aurat pesakit perlu mengambil perhatian terhadap perkara-perkara seperti mana di jadual 1 berkaitan Indikasi, kontraindikasi, serta langkah berjaga-jaga bagi rawatan khusus.

Rawatan Urut

- i) Rawatan perlulah dijalankan di dalam bilik khas atau tempat yang sesuai;
- ii) Prosedur perlu dilakukan dalam keadaan steril;(tungku)
- iii) Pengamal perlulah menggunakan peralatan, bantal, tikar, kain, tuala yang telah disucihama mengikut piawaian yang ditetapkan; dan
- iv) Setiap pengamal perlu memastikan sisa klinikal dibuang mengikut piawaian yang ditetapkan.

5. Etika Pengamal Urut Patuh Syariah

Sebelum Merawat :

- (a) Memastikan pesakit dirawat di ruang yang bersesuaian iaitu pengamal perlu mempunyai premis khas untuk menjalankan rawatan;
- (b) Memohon izin daripada pesakit sebelum menjalankan rawatan;
- (c) Memohon izin daripada waris atau penjaga untuk merawat pesakit sekiranya berlainan jantina atau pesakit tidak mampu dari segi mental atau di bawah umur (kurang daripada 18 tahun);
- (d) Memastikan waris pesakit berada bersama pengamal dan pesakit sekiranya pesakit dan pengamal berlainan jantina;
- (e) Tidak dibenarkan untuk menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit secara terperinci seperti menyatakan bilangan jin yang mengganggu dan sebagainya;
- (f) Tidak dibenarkan mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi;
- (g) Merekodkan daftar pesakit dan menjaga kerahsiaannya;
- (h) Memberi penerangan yang jelas tentang punca, kaedah rawatan dan kos; dan
- (i) Memastikan pesakit dan juga pengamal mengenakan pakaian yang menutup aurat.

Semasa Merawat:

- (a) Memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat Al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib;
- (b) Memastikan jenis penyakit yang hendak dirawat sama ada penyakit fizikal, qalbu atau gangguan makhluk halus/sihir;
- (c) Pengamal perlu berkomunikasi dengan berkesan semasa sesi rawatan;
- (d) Tidak dibenarkan menjalankan perkara yang di larang didalam Pengubatan Islam;
- (e) Perlu menjaga aurat pesakit semasa sesi rawatan dengan kadar yang

munasabah;

- (f) Bagi rawatan bertungku, hanya peralatan bertungku yang telah disteril sahaja dibenarkan;
- (g) Peralatan yang telah digunakan untuk merawat pesakit HIV/AIDS tidak boleh dikongsi dengan pesakit lain; dan
- (h) Tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio-visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit

Selepas Merawat:

- (a) Tidak dibenarkan membekalkan azimat, tangkal atau susuk, sama ada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain;
- (b) Tidak dibenarkan mensyaratkan 'pengeras' untuk sesuatu rawatan; dan
- (c) Memberi nasihat kepada pesakit mengenai amalan, wirid atau doa tertentu untuk diamalkan mengikut jenis rawatan yang diterima.

6. Larangan-Larangan Pengamal Urut

Pengamal Urut adalah ditegah sama sekali daripada mengamalkan penggunaan bahan-bahan dan amalan-amalan yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam serta boleh membawa kepada syirik dan fitnah (termasuklah penggunaan terma-terma yang boleh mengelirukan masyarakat umum).

Berikut adalah perkara-perkara yang dilarang sebagai perawat :

- (a) Sumber Ambilan dan Bacaan:
 - (i) Menyalahgunakan ayat Al-Quran dalam perawatan, seperti menambah, mengurang atau menterbalikkan susunan ayat AlQur'an;
 - (ii) Menggunakan kitab Al-Quran dengan cara yang tidak wajar, seperti menggantung Al-Quran dan menunggunya berpusing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu bagi sesuatu (istihza');
 - (iii) Menggunakan lafaz-lafaz, perkataan atau tulisan yang kurang jelas ertinya, lucah atau tidak sahih sebutannya;
 - (iv) Menggunakan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain;
 - (v) Penggunaan wafak, kerana tanpa akidah yang sempurna, boleh menjerumuskan pengguna kepada syirik; atau
 - (vi) Mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, ilham, bisikan –bisikan dan kitab-kitab yang tidak sahih sumbernya.

Pengamal urut yang dilarang:

- (i) Mendakwa dirinya kasyaf, dapat mengetahui dan melihat perkara-perkara ghaib; atau
- (ii) Pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru

Cara Merawat dan Kaedah Rawatan yang Digunakan:

- (i) Sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti melakukan rawatan di dalam bilik yang gelap;

- (ii) Menjalankan pembedahan batin yang dilakukan secara ghaib yang batil dan/atau dengan bantuan makhluk halus atau secara makrifat;
- (iii) Menggunakan perantara seperti asap kemenyan, tembakau, colok dan sebagainya, serta mengamalkan perbuatan 'menurun' atau menyemah;
- (iv) Mendakwa dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut;
- (v) Perbuatan atau kaedah yang mendatangkan keraguan atau bersifat menghina agama Islam;
- (vi) Menggunakan ilmu hitam atau sihir sebagai media perawatan;
- (vii) Meminta pertolongan makhluk halus dalam rawatan; atau
- (viii) Perbuatan merawat premis dengan menggunakan perkara-perkara dan kaedah-kaedah yang dilarang Islam.

Bahan-bahan Rawatan Yang dilarang:

- (i) Penggunaan bahan-bahan yang najis seperti khinzir, anjing, darah, bangkai, arak dan sebagainya;
- (ii) Bahan yang dikaitkan dengan sihir seperti minyak dagu, minyak pengasih, minyak senyonyong, minyak cenuai, nasi tangas dan sebagainya; atau
- (iii) Bahan yang dikaitkan dengan pemujaan seperti kain kapan, tanah kubur, senjata lama, tulang-belulang, rambut dan sebagainya.

7. Syarat-Syarat Pengamal Urut Melayu Tradisional

Seorang pengamal urut perlulah memenuhi syarat-syarat berikut :

- (a) Beragama Islam, aqil baligh serta mengetahui apa yang diucapkannya;
- (b) Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa syirik, sama ada melalui iktikad, perkataan atau perbuatan;
- (c) Tidak meninggalkan ibadat-ibadat wajib dalam Islam seperti sembahyang fardhu, puasa dan zakat;
- (d) Tidak melakukan maksiat, jenayah dan yang bertentangan dengan undang-undang negara;
- (e) Tidak memecahbelahkan masyarakat dan keluarga;
- (f) Tidak mentafsir ajaran agama Islam mengikut hawa nafsu;
- (g) Tidak memasukkan atau menggunakan unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam seperti sihir, ilmu hitam dan menurun kerana pengamalnya termasuk dalam kategori penyeru iblis dan syaitan dengan ucapan-ucapan yang tidak wajar atau boleh membawa kepada kufur dan syirik;
- (h) Tidak boleh melakukan ramalan tentang buruk atau baik pada masa akan datang dan tidak harus menyatakan pada ramalan yang telah lalu dengan cara tebakan, tenung dan lain-lain.
- (i) Hendaklah mengikhlaskan hati dengan amalan semata-mata mencari keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala; dan
- (j) Hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah kerana Allah sahaja yang memberi kebaikan dan pertolongan.

8. Kaedah Rawatan Pengamal Urut Melayu Tradisional

Kaedah rawatan yang dijalankan oleh pengamal urut hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut :

- (a) Pengamal tidak boleh dikaitkan dengan zat Allah dan sifat-sifat-Nya atau merupakan maksud di sebalik kalimah atau nama-nama Allah atau sifat-sifat-Nya seperti mengatakan ilmu urut itu diterima terus dari Allah atau kudratnya adalah kudrat Allah atau melalui mimpi berjumpa wali, malaikat atau lainnya;
- (b) Pengamalan bomoh tidak boleh diertikan sebagai maksud yang tersirat daripada diri atau jasad dan roh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, para malaikat, nabi-nabi dan orang soleh seperti Nur Muhammad menjelma ke dalam diri dan sebagainya;
- (c) Tidak boleh memuja dan memperhambakan diri kepada sesuatu kuasa atau peribadi yang dipercayai boleh mendatangkan nasib baik atau buruk kepada seseorang seperti wali syeikh, rijalul ghaib, roh datuk nenek, sahabat, hantu, dewa, keramat, kubur, keris, busur, batu, kayu, cincin, kain kuning atau putih dan lain-lain;
- (d) Tidak boleh mengamalkan bacaan-bacaan tertentu yang tidak difahami maknanya dikhuatiri mengandungi kata-kata pemujaan kepada berhala, iblis, syaitan atau nama berhala orang kafir serta bercampur aduk dengan ayat al-Quran;
- (e) Tidak boleh membaca mana-mana ayat al-Quran secara songsang;
- (f) Tidak boleh menggunakan Kitab al-Quran secara tidak wajar menurut syarat seperti menggantung al-Quran dan tunggu berpusing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu jika berpusing begini dan jika tidak, begini pula maksudnya. Semuanya ini termasuk menghina al-Quran (Istihza').
- (g) Tidak boleh meninggalkan ibadat-ibadat wajib yang dituntut di dalam Islam seperti sembahyang lima waktu dan puasa di bulan Ramadan ketika melakukan amalan perbomohan; dan
- (h) Tidak boleh mengguna perbuatan 'menurun', memanggil roh orang mati atau sebagainya dalam kaedah perbomohan.

9. Pantang Larang Pengamal Urut

Pantang larang dalam pengamalan Urut Melayu hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

- (a) Tidak boleh dikaitkan dengan pantang larang sesuatu unsur pemujaan, meminta izin, perlindungan atau bantuan daripada makhluk-makhluk ghaib seperti hantu, jin, penunggu, khadam, orang halus dan sebagainya;
- (b) Tidak boleh memenuhi kehendak pantang larang bomoh sehingga melakukan perkara-perkara yang ditegah di dalam Islam seperti meninggalkan tanggungjawab sebagai suami atau isteri, membuka aurat, bersunyan antara pesakit yang lain jantina dengan bomoh sahaja dan sebagainya;
- (c) Perkara-perkara yang harus dan halal dalam syariat Islam tidak boleh dihukumkan haram atau sebaliknya; dan
- (d) Tidak menurut apa-apa pendapat bomoh yang bertentangan dengan apa juga perkara berhubung dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam.

10. Ikrar Sumpah Dan Taat Setia Dalam Perbomohan atau Urut Melayu

Terdapat sesetengah pengamal perbomohan yang mensyaratkan pesakit melakukan ikrar sumpah untuk taat setia dalam perkara-perkara tertentu. Ikrar sumpah yang dibenarkan hendaklah berdasarkan syarat-syarat berikut :

- (a) Sumpah tidak dibolehkan semasa perbomohan, hanya ikrar saja boleh digunakan mengikut kesesuaian.

- (b) Pengamal perbomohan tidak boleh taat secara membuta tuli kepada bomoh. Mereka boleh mengikut suruhan bomoh tertentu selama tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- (c) Bacaan-bacaan, amalan dan ikrar yang terdapat di dalam pengakuan ikrar hendaklah tidak mengandungi perkara-perkara yang bercanggah dengan aqidah, syariat dan akhlak Islam seperti memuja dewa, bintang-bintang atau nama berhala; dan
- (d) Di dalam upacara ikrar sama ada dari segi fizikal atau mental hendaklah tidak mempunyai unsur-unsur yang mensyirikkan Allah dan menjatuhkan maruah seseorang sebagai orang Islam.

11. Batasan Aurat dalam kerja Urut Melayu tradisional

Dalam kertas kerja ini juga perlu ditekankan berkenaan dengan batasan aurat dalam urusan rawatan urut Melayu tradisional dan perlu dijadikan panduan yang jelas kepada pengamal-pengamal urut Melayu tradisional.

Batasan hukum penjagaan aurat dalam bidang perubatan ini boleh diletakkan sebagai rukhsah. Rukhsah bermaksud keringanan yang dibenarkan syariat atas keadaan-keadaan tertentu. Keringanan ini juga disebut sebagai 'takhfif' selain rukhsah. Ia adalah bentuk kemudahan yang diberikan oleh Islam bagi setiap hamba-Nya yang berada pada keadaan tertentu. Ibnu Nujaim menyebutkan bahwa rukhsah terdiri dari beberapa jenis:

Pertama: Menggugurkan (takhfif isqath), seperti pengguguran kewajiban solat Jumaat kepada orang yang sakit kronik.

Kedua: Mengurangkan (takhfif tanqish), seperti qasar solat empat rakaat menjadi dua ketika dalam keadaan musafir; dibolehkan solat sesuai dengan kemampuan bagi seseorang yang dalam keadaan sakit dan yang lainnya.

Ketiga: Menggantikan (takhfif ibdal). Misalnya mengganti wuduk air dengan tayamum menggunakan debu diakibatkan tidak adanya air yang digunakan untuk berwuduk.

Keempat: Mendahulukan (takhfif taqdim), seperti rukhsah jamak taqdim.

Kelima: Mengakhirkan (takhfif takhir). Ini termasuklah rukhsah jamak takhir, melewati solat Isyak dan lain-lain.

Keenam: Meringankan (takhfif tarkhish), seperti dibolehkan minum arak jika tercekik sesuatu apabila tiada minuman lain di sekelilingnya.

Ketujuh: Mengubah (takhfif taghyir). Misalnya perubahan bentuk perbuatan solat menjadi lebih ringan ketika terjadi peperangan.¹¹

Merujuk kenyataan di atas berkaitan situasi perawat untuk merawat pesakit diringankan hukum melihat auratnya kerana kemahiran yang ada bagi perawat dan kemaslahatan yang timbul atas pesakit. Jika digabungkan jenis rukhsah, takhfif tarkhish akan diguna pakai. Dengan sendiri isu perawat lelaki tidak timbul. Kehadiran perawat yang berkemahiran amat dituntut demi menjaga kemaslahatan nyawa pesakit.

¹¹ Lihat Imam Musbikin, *Qawa'id al-Fiqhiyah*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2001

Jika tidak melibatkan nyawa sekalipun seperti dalam pemeriksaan biasa, sentuhan dari perawat amat penting bagi menjamin kesinambungan penjagaan kesihatan yang berterusan. Lebih-lebih lagi perawat itu adalah lelaki yang lebih berkemahiran. Kerana aurat kemaluan wanita bukan sahaja lelaki ajnabi yang haram melihatnya, wanita pun haram melihatnya tanpa sebab yang khusus seperti berubat.

Namun dari satu sudut yang lain sifat dan naluri seorang manusia tidak boleh lari dari malu mendedahkan anggota sulit mereka kepada sesiapa sahaja. Disinilah perlunya satu etika khusus dalam berubat dan merawat. Iaitu tidak sewenang-nya mengambil ruang rukhsah tersebut dalam mengambil kesempatan melihat aurat di luar dari batas yang sepatutnya.

Terdapat beberapa kaedah dan batasan tentang masalah batasan aurat yang boleh dilihat ketika pengubatan.

- i. Aurat lelaki adalah anggota tubuh antara pusat dan lutut, berdasarkan sabda Nabi Salallahu 'Alaihi Wassalam :

"Apa-apa yang berada di antara pusat dan lutut adalah aurat"
(Riwayat Ahmad, Abu Daud dan Daraquthni, hadith hasan) dan ini merupakan pendapat jumhur ulama.

- ii. Tubuh wanita seluruhnya aurat bagi lelaki bukan mahramnya. Berdasarkan firman Allah:

*Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka mintalah dari belakang tabir.*¹²

Dan berdasarkan sabda Nabi Salallahu 'Alaihi Wassalam :

"Tubuh wanita itu seluruhnya aurat."(Riwayat Tirmidzi dengan sanad Hasan Gharib)

Inilah pendapat yang benar dalam madzhab Hambali dan salah satu pendapat dalam madzhab Maliki serta salah satu pendapat juga dalam madzhab Syafi'i.

- iii. Sengaja melihat aurat yang dilarang dilihat merupakan perkara yang sangat diharamkan, wajib menundukkan pandangan darinya, berdasarkan firman Allah:

Katakanlah kepada laki-laki yang beriman:"Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat". Katakanlah kepada wanita yang beriman:"Hendaklah mereka menahan pandangan mereka, dan memelihara kemaluan mereka,"¹³. (An-Nur:30-31)

Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam bersabda:

"Janganlah seorang lelaki melihat aurat lelaki lainnya dan janganlah juga seorang wanita melihat aurat wanita lainnya." (Riwayat Muslim)

Baginda SAW juga pernah berkata kepada Ali bin Abi Talib:

¹² Al-Quran Surah An-Nuur, Ayat 53

¹³ Al-Quran Surah An-Nur, Ayat 30-31)

*"Janganlah melihat kepada paha orang yang masih hidup ataupun yang sudah mati."
(Riwayat Abu Daud, isnadnya diperselisihkan kesahihannya)*

iv. Setiap aurat yang tidak boleh dilihat maka tidak boleh juga disentuh walaupun memakai penghalang. Rasulullah Shalallahu 'Alaihi Wassalam bersabda:

"Sesungguhnya aku tidak pernah bersalam dengan wanita."¹⁴

Baginda juga bersabda:

"Sekiranya kepala salah seorang kamu ditusuk dengan jarum besi lebih baik daripada menyentuh wanita yang tidak halal baginya."¹⁵

Imam An-Nawawi berkata:

Menurut keutamaan hukum, menyentuh wanita yang bukan mahram haram hukumnya sebagaimana juga haram melihatnya. Sebab menyentuh tentunya lebih nikmat daripada sekadar melihatnya.

v. Ada beberapa jenis dan tingkatan aurat, diantaranya aurat yang major seperti qubul (kemaluan) dan dubur. Dan aurat yang tidak major, seperti paha (antara sesama lelaki). Aurat kanak-kanak yang masih berusia dibawah tujuh tahun tidak termasuk dalam hukum. Adapun aurat anak kecil yang telah mumayyiz (baligh) -antara tujuh sampai sepuluh tahun- adalah kemaluannya. Aurat anak perempuan yang masih kecil dan sudah baligh auratnya dari pusat sampai ke lutut. Demikian pula dalam keadaan aman. Aurat mayat sama seperti aurat orang yang masih hidup.

vi. Kaedah Fiqh: Keadaan darurat membolehkan perkara yang terlarang.

Para ulama sepakat bahwa seorang doktor atau perawat boleh melihat bahagian tubuh wanita yang sakit untuk keperluan pemeriksaan dan pengubatan dengan memperhatikan batasan-batasan syar'inya. Demikian pula para ulama membolehkan para doktor atau perawat melihat bahagian tubuh lelaki yang sakit. Ia boleh melihat bagian tubuh yang sakit sekadar keperluannya sahaja. Dalam hal ini doktor atau perawat wanita sama halnya dengan doktor atau perawat lelaki.

Hukum ini di dasarkan atas kaedah fiqh:

حفظ النفس على مصلحة ستر العورة عند التعارض

Mendahulukan maslahat menyelamatkan nyawa daripada maslahat menjaga aurat jika kedua maslahat itu bertentangan.

¹⁴ Riwayat Malik dan Ahmad, hadith ini shahih

¹⁵ Riwayat Ath-Thabrani, perawi hadith ini sahih menurut Al-Haithami dalam Majma' Zawaid

Ini bermaksud jika seseorang perawat itu menghadapi dua situasi ini iaitu antara menyelamatkan nyawa dengan menjaga aurat, maka didahulukan menyelamatkan nyawanya kerana itu untuk maslahat dan memelihara maqasid yang utama. Namun perlu diingat bahawa yang boleh dilihat hanyalah sekadar tempat yang perlu dirawat sahaja.

vii. Kaedah fiqh seterusnya : Darurat harus diukur sesuai batasnya. (الضرورة تقدر بقدرها)

Walaupun perlakuan melihat, menyingkap, menyentuh dan sebagainya dibolehkan kerana darurat dan keperluan yang sangat mendesak, tetapi tidak dibolehkan melampau dan melanggar batas-batas syariat. Batas-batas itu sebagai berikut:

a) Pengubatan kaum lelaki hendaklah ditangani oleh perawat lelaki, dan pengubatan kaum wanita hendaklah dilakukan oleh perawat wanita. Jika seorang wanita terpaksa menyingkap auratnya untuk keperluan pengubatan, maka dianjurkan agar dilakukan oleh perawat wanita muslimah. Jika tidak ada maka dilakukan oleh perawat non muslimah, jika tidak ada maka dilakukan oleh perawat lelaki muslim, jika tidak ada maka dilakukan oleh perawat lelaki non muslim.

Demikian pula jika boleh dilakukan oleh perawat umum wanita muslimah maka tidak perlu ditangani oleh perawat pakar lelaki. Jika diperlukan perawat pakar wanita dan ternyata tidak ada, maka boleh dilakukan oleh perawat pakar lelaki. Jika perawat pakar wanita tidak mencukupi dan sangat perlu dilakukan oleh perawat pakar lelaki yang mahir maka boleh dilakukan oleh perawat lelaki tersebut.

Jika terdapat perawat pakar lelaki yang lebih mahir daripada perawat pakar wanita, maka tetap tidak boleh dilakukan oleh perawat pakar lelaki kecuali jika kepakaran pakar lelaki itu sangat diperlukan. Demikian pula halnya dalam proses pengubatan lelaki, iaitu tidak boleh dilakukan oleh perawat wanita jika masih ada perawat lelaki yang mampu menanganinya.

b) Tidak diperkenankan melampaui batas aurat yang lazim untuk dibuka. Memadai membuka anggota tubuh yang perlu diperiksa saja. Dan hendaklah berusaha menundukkan pandangan semampunya. Dan hendaklah ia menyesali melakukan sesuatu yang pada dasarnya diharamkan dan senantiasa minta ampun kepada Allah atas perbuatan melampaui batas yang mungkin terjadi.

c) Jika pengubatan boleh dilakukan hanya dengan mengesan penyakit saja (tanpa harus membuka aurat), maka tidak dibolehkan membuka aurat. Jika hanya diperlukan melihat tempat yang sakit saja maka tidak perlu menyentuhnya, jika memadai menyentuh dengan memakai penghalang saja maka tidak perlu menyentuhnya tanpa penghalang.

d) Jika yang merawat pesakit wanita terpaksa menggunakan khidmat perawat lelaki maka disyaratkan tidak dalam keadaan khalwat. Pesakit wanita itu harus disertai suaminya, atau mahramnya atau wanita lain yang dapat dipercayai.

e) Hendaklah perawat yang mengurusnya ialah seorang yang dipercayai, tidak cacat akal dan agamanya. Dalam hal ini cukuplah menilainya secara zahir.

f) Makin jelas dan bebas (major) aurat tersebut makin keras pula larangan melihat dan menyentuhnya. Penulis buku Kifayatul Akhyar berkata:

واعلم أن أصل الحاجة كان في النظر إلى الوجه واليدين ، وفي النظر إلى بقية الأعضاء يُعتبر تأكيد الحاجة ، وفي النظر إلى السوأتين يُعتبر مزيد تأكيد الحاجة . ولذلك لا بدّ من التشديد البالغ في مثل حالات التوليد وختان الإناث اليافعات

"Ketahuilah bahwa keperluan yang sangat mendasar untuk dilihat adalah wajah dan dua telapak tangan. Adapun bagian-bagian tubuh lainnya hanya boleh dilihat sesuai dengan kadar keperluan, terutama alat kelamin vital. Oleh sebab itu hal ini sangat perlu dijaga, terutama pada saat membantu kelahiran dan mengkhatahan anak perempuan yang mula dewasa."

g) Ketika keadaan keperluan pengobatan yang sangat terdesak seperti penyakit yang tidak dapat ditahankan lagi atau penurunan stamina dikhawatirkan akan membahayakan nyawanya membolehkan membuka aurat. Namun begitu, jika tidak begitu sakit atau tidak begitu mendesak maka dilarang membuka aurat (hanya untuk pengobatannya), sebagaimana dalam perkara-perkara yang bersifat dugaan dan perkara-perkara lainnya (yang mana tidak mesti membuka aurat).

h) Seluruh perkara di atas berlaku jika tidak menimbulkan fitnah dan tidak membangkitkan syahwat kedua belah pihak (yakni pesakit dan perawatnya).

12. Sifat-Sifat Yang Perlu Ada Pada Pesakit

Selain sifat dan amalan yang baik jadi amalan pengamal urut, pesakit juga disarankan mengamalkan sifat-sifat terpuji sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan rasul-rasul yang lain sebagaimana Nabi Ayub a.s.

Hakikat kehidupan kepada setiap insan sebagai khalifah di muka bumi, perlulah kita membuat analisis dan muhasabah diri. Berfikir secara waras bahawa ketentuan Allah SWT mempunyai seribu satu sebab yang terkandung hikmah dan pengajaran. Sebagai hamba-Nya, harus bersabar jika diuji dengan dugaan demi dugaan, sememangnya dunia ini adalah padang uji. Setiap sesuatu ketentuan dan musibah perlu dihadapi dengan bijak, tenang serta berserah tanpa kompromi kepada Allah SWT.

Firman Allah Taala yang bermaksud :

*"Dan sesungguhnya kami akan berikan cubaan kepada kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang yang sabar iaitu orang yang apabila ditimpa musibah mereka mengucapkan, Innalillahi Wainna Ilaihi Rajiun, maka itulah mendapat berkat dan rahmat daripada Tuhannya dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk."*¹⁶

Oleh itu, sehebat mana ujian yang dihadapi hendaklah ditempuhi dengan sabar, redha dan bertawakal kepada-Nya. Terus menerus berusaha mencari penawar dan berdoa supaya Allah memberikan petunjuk dan rahmat agar keadaan penyakit yang dihadapi akan lebih baik daripada sebelum ini.

Kesabaran seseorang pesakit dapat menjadikan kisah Nabi Ayub a.s. sebagai panduan tingkat kesabaran beliau sebagaimana beliau bermunajat merintih pada Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

¹⁶ al-Quran Surah al-Baqarah, Ayat 155-157

"(Ya Tuhanku), sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua penyayang".¹⁷

Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Allah tidak membiarkan Nabi-Nya sepi sendirian. Maka Allah mengabulkan rintihan Nabi Ayub a.s. Allah memerintahnya agar menghentakkan kaki ke tanah, lalu keluarlah air yang sejuk dingin lalu diminum, dimandikan sebagai penawar.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Maka kami pun memperkenankan seruannya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang ada padanya dan Kami kembalikan keluarganya kepadanya, dan Kami lipat gandakan bilangan mereka, sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan untuk menjadi peringatan bagi semua yang menyembah Allah".¹⁸

Nabi Ayub a.s diizinkan Allah SWT kembali sembuh seperti sedia kala, malahan dkurniakan Allah SWT dengan zuriat yang ramai, berganda-ganda dari yang hilang dan Allah juga mengembalikan kemewahan kepada Nabi Ayub a.s. sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah.

Selain dari itu, pengamal perubatan (tukang urut) juga bertanggungjawab memberi kesedaran kepada pesakit supaya tidak berburuk sangka kepada Allah SWT di atas musibah yang menimpa. Keadaan pesakit yang keluh kesah menderit penyakit-penyakit kronik. Pesakit yang mengidap penyakit yang dideritai hadir di saat kehidupan mereka yang kian kesempitan. Ada antaranya menyatakan rasa iri hati dengan keadaan orang lain yang ditakdirkan memperoleh kesenangan dan kesihatan secara berterusan. Jadi sebagai pengamal perubatan adalah menjadi tanggungjawab memberi kesedaran dan keinsafan kepada pesakit.

13. Penggunaan Ubat Dan Peralatan Yang Halal, Suci Dan Selamat

Mencari dan memilih ubat yang halal adalah wajib bagi setiap umat Islam dan meninggalkan yang haram juga merupakan suatu kewajipan. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah saw bermaksud:

"Mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap orang Islam" hadis riwayat al-Baihaqi.

Antara isu halal dan haram dalam perubatan yang menjadi topik perbincangan hangat sehingga hari ini ialah persoalan mengenai ubat-ubatan yang mengandungi unsur-unsur najis atau haram seperti alkohol, dadah, bahan-bahan dari khinzir, lembu dan seumpamanya. Pengguna di Malaysia terutamanya pengguna Islam sangat prihatin dengan isu-isu ini kerana ia melibatkan persoalan halal dan haram iaitu perkara asas dalam kehidupan beragama dan perlu diambil berat oleh setiap individu muslim.

Ubat-ubatan yang halal mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- Tidak mengandungi bahan daripada haiwan yang tidak halal atau tidak disembelih mengikut syarak.
- Tidak mengandungi bahan yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.

¹⁷ al-Quran Surah al-Anbiya', Ayat 83

¹⁸ al-Quran Surah Al-Anbiya', Ayat 84

- Selamat untuk diambil, tidak beracun, tidak merosakkan atau memabukkan dan tidak membahayakan kesihatan.
- Tidak disedia, diproses atau dihasilkan menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum syarak.
- Tidak mengandungi apa-apa bahagian tubuh manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak.

14. Prinsip Umum Islam Terhadap Perubatan dan Rawatan Penyakit

Islam ialah agama yang lengkap dan sempurna. Allah telah menetapkan dasar-dasar hukum dalam setiap permasalahan yang dihadapi oleh manusia sama ada berkaitan akidah, ibadah, sistem kehidupan, undang-undang, kesihatan dan lain-lain.

Sebagai agama yang lengkap dan sempurna, Islam memelihara dan menyelesaikan permasalahan dan keperluan manusia yang boleh dibahagikan kepada 5 prinsip utama iaitu Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta Benda.

Umat Islam wajib menjaga lima prinsip utama syariah Islam ini dengan dua cara iaitu pertama dengan melaksanakan atau menegakkannya dan kedua dengan memastikan ia terus berkekalan. Kita menegakkan Agama dengan melaksanakan lima rukun Islam yang sudah diketahui umum.

Nyawa termasuk kesihatan tubuh badan adalah hak Allah yang perlu dijaga dan dilindungi dari sebarang ancaman penyakit, pembunuhan dan sebagainya. Jika kita ditimpa penyakit, Allah memerintahkan supaya kita berusaha mencari ubatnya dan memohon kesembuhan daripada Allah.

14.1 Keperluan Merawat Penyakit Menurut Syarak

Islam sangat mengambil berat dalam aspek penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit. Umat Islam disuruh menjaga tubuh badan supaya sentiasa berada dalam keadaan sihat dan berikhtiar mengubat apabila dijangkiti penyakit. Ini bertepatan dengan pesanan Rasulullah:

“Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawarnya, dan Dia telah menjadikan bagi setiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan benda-benda yang haram” Hadis riwayat Abi Darda r.a.

Ringkasnya, hukum berubat ada dua iaitu wajib dan harus. Bagi orang awam, hukumnya harus iaitu ketika ia masih dapat menanggung kesakitan, dapat bersabar ataupun penyakit itu belum teruk.

Keperluan berubat menjadi wajib ke atas umat Islam yang tidak mampu menanggung kesakitan yang dialaminya ataupun penyakit itu boleh mengancam nyawanya.

Oleh sebab itu, umat Islam mempunyai pilihan sama ada hendak berusaha mengubati penyakit ataupun bersabar menanggung kesakitan yang merupakan ujian Allah.

Walaupun bagaimanapun, hukum berubat ini boleh berubah menjadi haram apabila pesakit itu beriktikad yang kuasa menyembuhkan penyakit adalah daripada ubat yang digunakan

sedangkan hakikat penyembuhan adalah kuasa Allah. Begitu juga sekiranya pesakit berubat dengan benda-benda yang diharamkan dan dilarang oleh syarak.

14.2 Penggunaan Ubat Sewaktu Darurat

Hukum-hakam Islam mempunyai ketetapan (azimah) dan kelonggaran (rukhsah). Hukum azimah ialah hukum asal yang ditetapkan oleh Allah. Contohnya, hukum pengharaman arak dan khinzir serta kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan. Rukhsah ialah kelonggaran yang boleh digunakan dalam keadaan tertentu.

Sebagai contoh, pada saat kecemasan atau darurat, harus berbuka puasa Ramadan ketika sakit dan dibolehkan memakan daging khinzir semasa kebuluran dan tiada pilihan makanan lain. Umat Islam wajib berpegang dengan hukum-hakam azimah melainkan apabila wujud keadaan darurat yang membolehkan kelonggaran.

Darurat secara ringkasnya bermaksud suatu keadaan di mana seseorang itu berhadapan dengan situasi yang melibatkan keselamatan nyawa ataupun harta bendanya.

Secara terperinci, Wahbah al-Zuhaili, profesor dalam bidang perundangan Islam di Universiti Damsyik telah memberikan takrifan darurat yang lebih jelas iaitu

“Darurat ialah berlaku ke atas seseorang satu keadaan yang berbahaya, atau kesusahan yang sangat berat, yang mana dibimbangi berlakunya kemudaratan atau kesakitan terhadap jiwa, anggota, maruah, akal atau harta dan segala yang berkaitan dengannya. Pada masa itu, boleh atau diharuskan melakukan yang haram atau meninggalkan yang wajib atau melewati daripada waktunya, demi untuk menolak kemudaratan daripada berlaku mengikut pertimbangan dalam ruang lingkup peraturan syara”.

Dr Yusuf al-Qardawi pula di dalam buku tulisannya “Halal dan Haram Dalam Islam” menekankan dan mengingatkan umat Islam agar tidak mempermudah-mudahkan kelonggaran yang diberi oleh syarak atas alasan darurat.

Dalam memutuskan keharusan penggunaan ubat yang mengandungi bahan haram, syarat-syarat untuk memastikan bahawa keperluan tersebut adalah benar-benar darurat perlu dipenuhi. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama dan digunapakai oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia ialah:

Darurat itu benar-benar berlaku dan bukan sesuatu yang tidak pasti. Dalam erti kata lain telah berlaku atau wujud satu keadaan di mana kemusnahan atau kemudaratan pada lima prinsip asas (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) ataupun kemusnahan akan berlaku secara pasti ataupun berdasarkan kepada sangkaan yang kuat berpandukan pengalaman atau pengetahuan.

Seseorang yang berada dalam keadaan darurat itu bertentangan dengan perintah atau larangan syara' atau tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudaratan melainkan perkara yang ditegah atau diharamkan. Usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudaratan yang menimpa pesakit.

Pengambilan yang haram itu sekadar keperluan sahaja. Pada waktu pengubatan, pengambilan yang haram itu hendaklah disyorkan, dipastikan dan diperakui oleh seorang doktor atau pengamal perubatan muslim yang adil, diyakini amalan dan pegangan agamanya serta mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut.

Allah memerintahkan kita untuk mengambil makanan yang bukan sahaja halal, tetapi juga baik ataupun dalam istilahnya disebut Halalan Thoyyiban agar tidak membahayakan tubuh badan kita. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi memainkan peranan dengan memastikan ubat-ubatan di Malaysia adalah berdaftar dengan KKM. Produk farmaseutikal berdaftar ini telah dinilai dari aspek keselamatan, keberkesanan dan kualiti manakala produk tradisional berdaftar pula dinilai dari aspek keselamatan dan kualitinya dengan tujuan utama untuk melindungi kesihatan pengguna atau pesakit. Ini bertepatan dengan konsep Thoyyiban.

Selain itu, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) juga mewajibkan syarikat-syarikat farmaseutikal untuk mengisytiharkan sekiranya produk-produk mereka mengandungi bahan-bahan dari unsur haiwan dengan meletakkan label yang menyatakan bahawa produk ini mengandungi bahan daripada sumber haiwan seperti unsur lembu (bovine), khinzir (porcine) dan sebagainya. Terdapat bahan mentah seperti magnesium stearate, gliserin atau gelatin yang boleh diperolehi dari sumber haiwan.

Pelabelan ini adalah untuk membantu pengguna khususnya pengguna beragama Islam supaya terhalang daripada penggunaan ubat-ubatan yang mengandungi kandungan yang haram. Bahkan turut mendapat manfaat kepada penganut agama Hindu, golongan vegetarian dan pengguna yang mempunyai alahan tertentu dapat mengelak diri daripada menggunakan produk berkenaan. Namun begitu, jika tiada pilihan lain dan keadaan yang terdesak, ubat yang mengandungi bahan haiwan tersebut terpaksa digunakan untuk merawat pesakit, maka pihak hospital akan mendapatkan persetujuan daripada pesakit atau keluarga pesakit terlebih dahulu sebelum memberikan ubat tersebut.

Dalam konteks farmaseutikal halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) merupakan badan autoriti yang diberi kuasa di Malaysia. Pihak JAKIM telah memainkan peranan yang besar dengan memperkenalkan persijilan halal untuk produk farmaseutikal berdasarkan standard Farmaseutikal Halal pertama di dunia iaitu MS2424: 2012.

Selaras dengan itu, bermula pada tahun 2013, pihak PBKD telah membenarkan penggunaan logo halal bagi produk-produk farmaseutikal berdaftar kategori produk bukan racun (Over-The-Counter, OTC) seperti supplemen kesihatan dan ubat-ubatan yang tidak memerlukan preskripsi daripada doktor atau ahli farmasi. Tetapi hanya logo Halal yang diperakui dan dikeluarkan oleh JAKIM atau dari Badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM yang boleh diterima pakai.

Penggunaan logo halal bagi produk-produk farmaseutikal ini adalah secara voluntari dan sekiranya tiada logo halal adalah tidak wajar sesuatu produk itu terus dianggap haram untuk digunakan. Pengguna berhak untuk mendapat maklumat dan boleh bertanya kepada pegawai-pegawai farmasi di hospital sekiranya terdapat sebarang keraguan.

Sebagai umat Islam kita harus memahami bahawa penyembuhan sesuatu penyakit itu adalah kekuasaan Allah. Kita mesti berikhtiar dalam mengubati sesuatu penyakit dengan cara yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Islam seperti penggunaan ilmu hitam atau cara lain yang dilarang oleh Allah.

Bahan-bahan yang digunakan sebagai ubat juga mestilah sesuai dengan ajaran Islam seperti suci dan tidak mengandungi najis kecuali dalam keadaan darurat. Apa lebih penting ialah mencegah dan menjaga diri dari terkena penyakit lebih baik dari mengubat.

Kefahaman dan penghayatan tentang halal dan haram dalam aspek ubat-ubatan ini sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar kesihatan tubuh badan dapat dijaga mengikut ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, kami berharap artikel ringkas ini sedikit sebanyak dapat membantu memberi kefahaman dan penjelasan kepada pengamal perubatan, pesakit dan orang awam mengenai ubat halal dan ubat haram menurut perspektif Islam. Dalam khidmat rawatanurut turut menjadi persoalan dan keraguan halal dan suci dalam kalangan pesakit atau pengguna terhadap penggunaan minyak-minyak urut yang digunakan oleh pengamal urut. Jadi persoalan tersebut akan terjawab dengan jelas dan yakin sekiranya pengamal urut menjalankan khidmat yang patuh syariah pada keseluruhan urusan khidmat tersebut.

Begitu juga dengan pertumbuhan khidmat-khidmat urut yang tumbuh seperti cendawan terutama di kota-kota raya tanpa mendaftar dan tidak menepati syarat patuh syariah. Berdasarkan rujukan rekod Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia terdapat sejumlah 371 pusat rawatan urut kaki yang mendaftar, manakala hasil pusat urutan badan berjumlah lebih kurang 400 buah yang mendaftar dan tidak mendaftar di Selangor. Masalahnya pihak pengurus pusat urutan yang menyalahgunakan khidmat urut mereka.

Tempat yang terlindung daripada pandangan bebas. Kini banyak pusat-pusat rawatan urut dijalankan secara terbuka terutama di kota-kota raya. Pada zahir jelas di pandangan mata umum, tetapi secara tak langsung berlaku pendedahan aurat secara terbuka dijalankan. Selain itu terdapat khidmat urut yang dijalankan oleh warga-warga asing seperti dari Indonesia, Myamar, Bangladesh dan lain-lain.

Fenomena ini harus segera dihapuskan dengan segera dan bertindak tegas ke arah pencapaian Negara amal makruf nahi mungkar. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak berwajib dan masyarakat secara menyeluruh supaya kemurnian bumi Malaysia terpelihara daripada amal mungkar nahi makruf yang semakin rakus sehingga satu persatu musibah dan bencana yang menimpa Negara kita dari semasa ke semasa.

Kesimpulannya segala sesuatu urusan atau perbuatan harus bersandarkan ketakwaan seseorang insan kepada Allah. Syariat telah menggariskan hukum-hukum yang jelas dan tegas bagi perkara-perkara sensitif pelbagai urusan termasuk urusan rawatan urut Melayu yang yang dibincangkan. Salah satu penyebab timbulnya musibah pada zaman ini adalah memandang remeh masalah membuka aurat di tempat-tempat terbuka dan hospital. Sepertinya para perawat tersebut boleh melakukan segala sesuatu dan dihalalkan baginya segala yang terlarang. Demikian pula yang berlaku dalam program-program pendidikan yang keseluruhan mengikut acuan program-program pendidikan dari negara-negara bukan Islam (sekular).

Cadangan kepada pihak berwajib melaksanakan rawatan patuh Syariah secara menyeluruh bukan sahaja di beberapa pusat kesihatan swasta dan kerajaan bahkan seluruh negara supaya setara dengan status negara kita sebagai negara Islam. Persatuan-persatuan, badan-badan NGO yang berjihad menegakkan Islam juga tidak jemu sentiasa menyampaikan ilmu tentang hukum syariat dalam pelbagai program mereka, walau bagaimanapun usaha pelaksanaan yang berterusan dan pemantapan kefahaman ilmu agama perlu ditangani oleh semua pihak termasuk ibu bapa di rumah lagi.

Terdapat juga usaha murni yang telah dijalankan oleh pihak berkenaan sebagaimana pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah berjaya melahirkan jururawat lelaki, mahupun dalam jumlah yang kecil berbanding jumlah jururawat wanita sekurang-kurangnya ada usaha atau inisiatif penyediaan rawatan yang sempurna dan wajar iaitu jururawat lelaki untuk pesakit lelaki. Begitu juga dengan rawatanurut yang patuh syariah pengamalurut wanita layak untuk merawat pesakit wanita, manakala pengamalurut lelaki untuk merawat pesakit lelaki. Kini terdapat rawatanurut Melayu tradisional disediakan di beberapa buah hospital seperti Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan, di Cameron Highland, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Sabah dan beberapa hospital kerajaan dan swasta lagi.

Bagi mencapai kesempurnaan dan pelengkap rawatan yang berupa doa-doa dan amalan adalah disarankan kepada semua muslimin dan muslimat, jadikan ayat-ayat suci al-Quran sebagai rawatan dalam urutan sama ada kepada pengamalurut sendirian mahupun pengamalurut berkerjaya. Al-Quran adalah sebuah kitab pedoman hidup dan dasar hukum, ia juga adalah sebuah kitab panduan kesihatan dan bahan tib(perubatan) yang mendahului jampi-jampi Jibril a.s. atau jampi-jampi perubatan Nabi s.a.w. Al-Quran sendiri menegaskan bahawa ayat-ayatnya menjadi penyembuh penyakit-penyakit manusia.¹⁹

Antara petikan beberapa ayat-ayat suci al-Quran sebagai panduan

Surah Al-Fatihah

Surah Anbiyat Ayat 30,83,84

Surah Yunus ayat 107

Surah al-Hadiid, ayat 22-23

Surah Sad, ayat 41

Surah Yusuf, ayat 93

Surah Fussilat, ayat 44

Surah al-Baqarah ayat 255 dan lain-lain lagi

Surah Yassin Ayat 78-79, Firman Allah yang bermaksud:

“Dia berkata, siapakah (yang dapat) menghidupkan tulang belulang padahal telah hancur?”

“Dan adakah orang kafir tidak mengetahui sesungguhnya langit dan bumi itu sesungguhnya kedua dahulu itu adalah sesuatu yang padu(bercantum), kemudian kami pisahkan antara keduanya. Dan kami jadikan segala sesuatu yang hidup daripada air. Maka mengapakan mereka tidak beriman?”

Surah Al Insaan Ayat 28, Firman Allah yang bermaksud:

“Kamilah yang menciptakan mereka, serta menguatkan tulang sendi dan urat saraf mereka(kami berkuasa membinasakan mereka) dan apabila kami kehendaki, kami gantikan (mereka) dengan orang yang serupa dengan mereka, dengan penggantian yang sebaik-baiknya”

¹⁹ ,Abdullah al-Qari,(2015) Mari Berubat Dengan Al-Quran,Al- Hidayah Publication hlm vi

Sesungguhnya ayat-ayat suci al-Quran bukan sahaja penawar kepada penyakit yang dialami oleh pesakit bahkan ianya sebagai pendinding diri bagi seseorang pengamal nya sama ada pengamal urut (perawat) mahupun pesakit. Hakikatnya Allah swt turunkan al-Quran sebagai panduan dan pegangan hidup setiap insan yang sebenar-benarnya ke arah kesempurnaan hidup manusia supaya beroleh kecemerlangan di dunia dan kegemilangan di akhirat. Insya-Allah, wallahualam.

Bibliografi

- Al-Quran Al-Karim.(2013). Karya Bestari Sdn Bhd. Shah Alam, Selangor.
- Abdullah bin Ali al-Juáitsin(2012). Thohurum, Insya-Allah..Pustaka Imam Asy-Syafií.
- Abdullah Al-Qari b Hj Salleh(2015). Mari Berubat Dengan Al-Quran, Al-Hidayah Publication, Batu Caves , Selangor.
- ,(2014). Atasi Sakit dengan Urut &Jampi Sendiri, Al-Hidayah Publication, Batu Caves, Selangor.
- Abdul Basit Muhammad Al-Sayyid(2013). Cara Nabi s.a.w. Berubat& Mencegah Penyakit, Berlian Publication, Puchong, Selangor.
- Azahari Ibrahim(2012). Ubat-ubat Tradisional Melayu,Doa-doa Penawar Penyakit Rahsia Kebaikan Surah Al-Fatihah, Darul Nu'man, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Ismail(2013). Keajaiban& Keagungan Ayat Al-Kursi, Pustaka Al-Ehsan, Batu Caves, Selangor.
- Basri Ibarahim(1999). Perubatan Moden Menurut Perpekstif Islam, Darul Nu'Man, Kuala Lumpur
- H. Abu Bakar Yacub(1984). Senjata Mukmin, P.T. Bungkul Indah, Surabaya, Indonesia
- Haron Din(2011). Pengantar Pengubatan Islam, Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- ,(2011).Rawatan Penyakit Jasmani (II),Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa', Bandar Baru Bangi, Selangor.
- ,(2011) Rawatan Penyakit Rohani, Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa', Bandar Baru Bangi, Selangor.
- ,(2013).Kaedah Merawat Santau, PTS Islamika Sdn Bhd. Batu Caves, Selangor.
- ,(2016).Kaedah Merawat Susuk,PTS Publishing House, Sdn. Bhd. Batu Caves, Selangor.
- Md Khusairi Hj Salleh(2012). Urut Tradisional Melayu,Darul Nu'man, Kuala Lumpur.
- Muhammad Khalaf Yusuf(2007). As-Syifaa Ubaat Penyejuk Jiwa, Jasmin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Nor Mawaddah Marjan(1998). Merawat Pesakit dengan Urut Refleksi, Darul Nu'man, Kuala Lumpur
- Razali Sulaiman (2014). Gangguan Jin Rawatan & Pendinding, Karangraf Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor.
- (2012).Buku Garis Panduan Pembomohan Islam, Terbitan Jabatan Mufti Negeri Melaka. Sumber Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia